

TIGA MULA PENGAJIAN PERUBATAN DI NTU

Suka kanak-kanak, mahu bantu wanita hamil

► **AINUN MARDIAH MOHSIN**
smohsin@sph.com.sg

MENITIS air mata Cik Nur Nadirah Lim sekeluarga tatkala beliau mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'A'.

Dengan keputusan itu, beliau memohon menyambung pelajarannya di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian, Universiti Teknologi Nanyang (NTU), kerana itulah cita-cita beliau.

Menyimpang tentang hasratnya mahu menjadi doktor, Cik Nur Nadirah berkata beliau minat menjadi pakar sakit puan.

Minatnya itu tercetus semasa di sekolah menengah. Ketika itu beliau sering belajar di perpustakaan dan gemar membaca buku mengenai sakit puan.

"Saya suka kepada kanak-kanak, saya rasa jika saya dapat

menjadi doktor pakar dalam bidang sakit puan, ia adalah peluang terbaik membantu wanita mengandung, lebih-lebih lagi Muslimah.

"Mereka dapat meletakkan harapan melahirkan anak di tangan doktor Muslimah juga," ujar anak bongsu lima beradik itu.

Satu lagi faktor yang mendorong Cik Nur Nadirah memilih bidang perubatan ialah setelah beliau melihat derita yang ditanggung arwah mak ciknya yang meninggal akibat akibat barah.

"Arwah mak cik saya tidak berkahwin dan tidak mempunyai anak.

"Beliau telah menjadi *room mate* saya, dan saya melihatnya menderita menghadapi barah, siang dan malam di rumah dan juga di hospital.

"Saya rasa dalam keadaan kritikal begitu, doktor adalah orang yang paling dipercayai pesakit.

"Doktor berkhidmat dan sentiasa membantu membuat pesakit percaya kepada mereka," kata Cik Nur Nadirah.

Beliau juga bersyukur kerana ibu bapanya pernah mengajaknya menghadiri seminar di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (NTU) yang memberi pendedahan kepadanya mengenai bidang kedokteran.

Seminar tersebut telah membuka matanya dan menjadikan beliau lebih yakin akan cita-citanya mahu menjadi doktor.

Bagaimanapun, untuk diterima belajar di sekolah perubatan bukanlah satu perjalanan yang mudah.

Sewaktu beliau di tahun enam Raffles Institution, beliau perlu belajar semula konsep asas salah satu tajuk dalam subjek kimia yang beliau lemah bagi mengukuhkan kembali subjek tersebut.

Dan usahanya itu membawa hasil.

Beberapa bulan sebelum peperiksaan GCE 'A', beliau belajar dengan bersungguh-sungguh kerana mahu mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang.

"Saya keluar rumah seawal 8 pagi (untuk mengulang kaji pelajaran di perpustakaan) dan pulang ke rumah sekitar 9 malam," kata pelajar berusia 19 tahun itu.

Apabila ditanya mengenai apa yang ingin dicapai setelah menjadi doktor, beliau berkata:

"Walaupun jadual seorang doktor amat padat dan memenatkan, saat-saat penting di mana doktor dapat menerangkan keadaan yang dihadapi pesakit dan menenangkan mereka akan menjadi saat yang berharga buat seorang doktor."

Beliau juga merasakan memilih bidang kedokteran tidak harus dijadikan keutamaan hanya kerana meraih keputusan cemerlang.



CIK NUR NADIRAH LIM: Melihat arwah mak ciknya menderita akibat penyakit barah menguatkan lagi keinginannya menjadi doktor. - Foto-foto KHALIB BABA

Kerjaya doktor dirasakan dapat beri kepuasan seperti tutor sukarela

► **SITI NUR 'ALIAH GHAZALI**
sghazali@sph.com.sg

PENGALAMAN sebagai seorang tutor sukarela di sebuah pertubuhan telah banyak membantu membuka mata Encik Fareed Mohammed Noorul Amin Alawdeen.

Pemuda berumur 20 tahun itu menyatakan bahawa pengalaman tersebut memberinya kepuasan dalam membantu mengubah hidup seseorang.

"Saya berasa puas dan gembira dapat membantu pelajar saya dalam mata pelajaran mereka.

"Saya bukan sahaja dapat berbakti kepada masyarakat, malah saya juga dapat mempertingkatkan diri saya sendiri.

"Secara tidak langsung, ini telah mendorong saya ingin menjadi seorang doktor, dan saya rasa ia mampu memberi saya kepuasan yang sama," kata Encik Fareed Mohammed.

Bekas pelajar ACS (Bebas) itu meraih keputusan cemerlang dalam peperiksaan International Baccalaureate (IB) dan akan melanjutkan pelajarannya di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian, Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

"Apabila saya dapat tahu akan tawaran daripada NTU itu, ia merupakan satu detik yang indah bagi saya.

"Ibu bapa saya turut gembira dan mereka sentiasa memberikan saya sokongan dalam apa jua bidang yang ingin saya ceburi," ujar pemuda itu.

Minat Encik Fareed Mohammed dalam bidang perubatan bermula agak lambat.

Sebelum ini beliau bercita-cita mahu menjadi seorang ahli fizik.

"Sebelum ini saya ingin menjadi seorang ahli fizik dan telah mengambil mata pelajaran fizik di sekolah.

"Namun, setelah saya tamat menjalani Perkhidmatan Negara, saya sedar bahawa saya mempunyai minat yang mendalam dalam bidang perubatan."

Menyimpang kembali kenangan di sekolah, Encik Fareed Mohammed berkata beliau tidak menghadapi masalah dalam pelajarannya.

"Walaupun saya merupakan ahli jawatankuasa eksekutif dalam tiga kegiatan ko-kurikular, kesemuanya berkaitan dengan akademik.

"Bagi saya, melakukan sesuatu perkara itu dengan konsisten adalah penting supaya kita tidak kelim-kabut pada saat-saat akhir. Ia dapat mengelakkan saya daripada melakukan kesilapan yang tidak diinginkan.



ENCIK FAREED MOHAMMED: Anggap kerjaya sebagai doktor sebagai sebuah pencapaian peribadi. Beliau berharap dapat meningkatkan kemahiran bersosial dan berkomunikasi.

"Selain itu, ia juga membolehkan kita mengatur strategi belajar yang sesuai," kata beliau.

Anak sulung dalam dua beradik itu berkata beliau bercita-cita mahu menjadi seorang saintis klinis.

"Saya sudah melakukan beberapa projek kajian di sekolah dan ini telah menarik minat saya dalam bidang kajian.

"Bidang perubatan akan semakin berkembang dari masa ke masa dan saya ingin menjadi sebahagian daripada perkembangan itu," ujar beliau.

Bagi Encik Fareed Mohammed, kerjaya seorang doktor bukan sahaja dapat membantu pesakit, malah dapat mengubah dirinya menjadi seorang manusia yang berguna dan berbakti kepada masyarakat.

"Saya menganggap kerjaya sebagai seorang doktor adalah sebuah pencapaian peribadi.

"Sepanjang pengajian di NTU, saya berharap dapat meningkatkan kemahiran bersosial dan berkomunikasi dengan orang lain.

"Ini demi masa depan saya dan saya mahu menjadi seorang doktor yang dapat memberi ketenangan dan kesejahteraan kepada pesakit," tambahnya.

Pengalaman lihat pesakit Aids diabai masyarakat buka mata

ENCIK Farhan Ishraq adalah antara pelajar yang akan memulakan pengajiannya di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian, Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Beliau berasa gembira diterima ke sekolah itu kerana ia merupakan pilihan pertamanya setelah menamatkan diploma di Sekolah Tinggi NUS.

Salah satu sebab yang mendorongnya menjadi doktor adalah setelah beliau ke Vietnam pada Jun tahun lalu bagi 'Project SUGAR - Big Summer Trip'.

Beliau melihat ramai pesakit Aids, termasuklah kanak-kanak, diabaikan masyarakat yang kurang faham mengenai penyakit tersebut.

Menurut beliau, dengan menjadi doktor, beliau dapat menolong golongan pesakit seperti itu.

Hasil daripada belajar dengan konsisten di sekolah, beliau meraih markah yang tinggi dan dapat memasuki Sekolah Perubatan Lee Kong Chian.

"Bagi pelajaran saya di sekolah, saya menyusun perkara yang penting untuk difahami dan memastikan saya memahami konsep (sesuatu subjek) dengan jelas," kata beliau.

Encik Farhan juga menyertai kegiatan ko-kurikular seperti kelab Pengembangan Luar dan kelab Frisbee.

Menurutnya, kegiatan tersebut merupakan sesuatu yang boleh ditangani dan tidak mengganggu pelajarannya.

"Modul sewaktu saya menengah tiga dan empat agak intensif, tetapi apabila saya berada di tahun satu dan tahun dua, saya mengambil bidang yang khusus, iaitu fizik, kimia, matematik dan ekonomi.

"Dengan itu, saya mempunyai lebih masa untuk melakukan kegiatan luar darjah selain belajar," kata pemuda berusia 19 tahun itu.

Apabila ditanya mengenai perasaan kedua-dua orang tuanya mengenai keputusannya mahu meneruskan pelajaran dalam bidang kedokteran, beliau berkata ibu bapanya tidak kisah asalkan beliau gembira dengan keputusan yang diambilnya itu.



ENCIK FARHAN: Meminati bidang pembedahan saraf kerana merasakan saraf, yang merupakan bahagian terpenting dalam tubuh, adalah bidang yang menarik.

Menyimpang tentang bidang kedokteran yang diminati, Encik Farhan berkata beliau meminati bidang pembedahan saraf.

Ini kerana saraf merupakan bahagian terpenting dalam tubuh dan beliau merasakan bidang tersebut menarik.

"Saya rasa menjadi doktor adalah satu proses pembelajaran sepan-

jang hayat, dan dengan menceburi bidang kedokteran, kita dapat menggunakan ilmu yang diraih untuk membantu pesakit.

"Dengan membantu pesakit, kita dapat membantu keluarga mereka juga, dan ini merupakan satu proses yang berterusan.

"Dengan cara ini, saya dapat berbakti kepada masyarakat," kata beliau.

Pemohon ke sekolah perubatan lalui tujuh tahap

PERJALANAN

menjadi seorang doktor pastinya bukan satu perjalanan yang mudah.

Seorang bakal doktor harus melalui tempoh pembelajaran melebihi lima tahun.

Untuk belajar di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian, Universiti Teknologi Nanyang (NTU), terdapat tujuh tahap yang harus dilalui pemohon.

Pertama, mereka harus mendapat keputusan baik dalam peperiksaan GCE 'A', International

Baccalaureate Diploma, diploma sekolah menengah Universiti Nasional Singapura, diploma daripada politeknik, atau kelayakan dari luar negara.

"Bagi mereka yang memohon di NTU, mereka harus melalui ujian tambahan, iaitu Biomedikal Admission Test (BMAT)," kata Presiden Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA), Dr Zuraimi Mohamed Dahlan.

Selain itu, mereka harus menuliskan



DR ZURAIMI: Persaingan bagi mendapat tempat dalam bidang kedokteran adalah amat sengit.

kenyataan peribadi dalam bentuk esei tidak melebihi 300 perkataan, dan harus menekankan pengalaman kepimpinan dan kebolehan berkerjasama.

Mereka juga harus menyertakan pencapaian bukan akademik.

Pemohon akan dipilih untuk sesi temu duga berdasarkan keputusan yang telah dibantarkan dan keputusan BMAT.

Temu duga akan dijalankan dalam format beberapa wawancara

pendek dengan pensyarah berbeza. Bagi pemohon yang telah mendapat tawaran ke Sekolah Perubatan Lee Kong Chian, mereka harus menjalani pemeriksaan kesihatan.

Langkah terakhir adalah mereka perlu melengkapkan Borang Perisytiharan Rekod Jenayah di portal aplikasi kemasukan dalam talian NTU.

Menurut Dr Zuraimi, persaingan bagi mendapat tempat di NUS ataupun di NTU dalam bidang kedokteran adalah amat sengit.